

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# *Lazada4Youth: Digital Entrepreneurial Workshop*

**NIK MAHFUZAH NIK MAT, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF**

Aktiviti keusahawanan digital semakin berkembang pesat seiring dengan kemajuan perkembangan teknologi terkini. Aktiviti keusahawanan secara atas talian sama ada di dalam atau luar negara sering mendapat perhatian daripada pihak industri. Pelbagai permintaan kemahiran pelajar berkaitan keusahawanan digital juga, mula dicadangkan kepada Institusi Pendidikan.



Menyedari tentang keperluan semasa ini, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Lazada Malaysia telah berjaya menganjurkan Program Lazada4Youth : Digital Entrepreneurial Workshop pada 27 Mac 2023 bertempat di Dewan Biduanda, Kampus Rembau. Program ini juga, dirumus khas untuk mendukung agenda utama bagi Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara pihak Lazada Malaysia dan UiTM pada tahun 2022.





Seramai 1500 orang pelajar daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan, UiTM Cawangan Melaka dan UiTM Cawangan Johor telah menyertai Program Lazada4Youth.

Beberapa siri bengkel telah dijalankan oleh pihak Lazada Malaysia bermula jam 8:00 pagi sehingga 12:00 tengahari yang membantu mempertingkatkan pemahaman pelajar berkenaan dengan perniagaan secara dalam talian dan kemahiran e-dagang.

Antara bengkel yang dijalankan adalah "Introduction to E-Commerce, Digital Branding & Enhancing Online Presence, Sharing of Success Stories, Affiliate Marketing Programme Briefing dan Seller Onboarding Briefing".

Sesi Majlis Penutup pula, telah diadakan pada jam 2:45 petang dan dihadiri oleh beberapa tetamu terhormat iaitu;

Profesor Dr. Yamin Yasin Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Puan Azian Ahmad Ketua Bahagian Sumber Manusia Lazada Malaysia, barisan pengurusan UiTM serta pengurusan Lazada Malaysia. Dalam ucapan Profesor Dr Yamin Yasin, beliau berterima kasih kepada Lazada Malaysia yang

menyokong UiTM dalam mencapai hasrat UiTM untuk membantu para pelajar terus maju di dalam bidang keusahawanan.

Simbolik kepada perasmian Majlis Penutupan, sebanyak 1500 biji belon yang mengandungi bawacerpembelian Lazada telah dilepaskan dari udara dan dipecahkan oleh peserta yang hadir.

